

Istana beri seminggu untuk PAS, DAP dan PKR serah senarai calon menteri besar
Malaysian Insider
Aug 27, 2014
OLEH LEE SHI-IAN

Istana Selangor memberi ketiga-tiga parti komponen Pakatan Rakyat (PR) tempoh seminggu bagi mengemukakan sekurang-kurangnya dua nama calon untuk jawatan menteri besar, kata setiausaha sulit Sultan, Datuk Mohamad Munir Bani, hari ini.

Beliau berkata, surat itu dihantar kepada Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng. Mereka perlu membalas sebelum 3 September.

PKR dan DAP sebelum ini mencalonkan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kajang Dr Wan Azizah untuk jawatan itu.

Pada Ogos 14, 29 Adun termasuk dua daripada PAS menandatangani akuan bersumpah yang menyatakan sokongan terhadap Dr Wan Azizah.

PAS dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat pada 17 Ogos, mencalonkan Dr Wan Azizah sebagai pilihan pertama dan Timbalan Presiden PKR Mohamed Azmin Ali sebagai pilihan kedua.

Bagaimanapun pada mesyuarat Majlis Presiden PR pada hari yang sama, Azmin menarik diri daripada pencalonan.

Jawatankuasa Pusat PAS pada Selasa, bagaimanapun, menyerahkan keputusan memilih menteri besar yang baru kepada Sultan.

Semalam, Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang meletakkan jawatan berkata, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan pihak berkenaan memberi lebih daripada dua nama sebagai calon menteri besar.

Mohamad Munir berkata, penyerahan nama-nama tambahan akan membolehkan Sultan Selangor membuat keputusan terhadap calon paling layak.

"Ini adalah selaras dengan konvensyen yang diamalkan di Istana Selangor dalam perantukan menteri besar negeri terdahulu."

Peguam Perlembagaan berkata ia bukan satu keperluan undang-undang untuk menghantar lebih daripada satu nama kepada Sultan kerana Perlembagaan negeri menyatakan pemerintah akan melantik menteri besar, yang menurut pandangannya mungkin mendapat kepercayaan majoriti Adun.

Perebutan jawatan menteri besar Selangor berlanjutan lebih sebulan selepas Khalid enggan meletak jawatan bagi memberi laluan kepada Dr Wan Azizah.

Kemuncaknya, beliau dipecat daripada PKR, namun Khalid masih memegang jawatan itu dan memecat lima exco negeri daripada DAP dan PKR manakala seorang lagi meletakkan jawatan. – 27 Ogos, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/istana-beri-seminggu-pas-dap-dan-pkr-untuk-serah-senarai-calon-menteri-besa>